

**TAHAP KEBOLEHBACAAN E-BOOK BAHASA ARAB AKADEMIK LANJUTAN****[THE READABILITY LEVEL OF THE ADVANCED ACADEMIC ARABIC E-BOOK]**NADZIRAH NORUDIN<sup>1\*</sup>, NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF<sup>1</sup> & MOHAMAD AZWAN KAMARUDIN<sup>2</sup><sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondent Email: nadzirahbntorudin@gmail.com

---

*Received: 30 May 2022**Accepted: 7 August 2022**Published: 24 August 2022*

---

**Abstrak:** Usaha menambahbaik kursus-kursus bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi (IPT) berupaya memperkasakan lagi penguasaan pelajar terhadap bahasa tersebut. Penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab dapat diukur berdasarkan kebolehbacaan teks yang dipelajarinya. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kebolehbacaan e-book kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan (BAAL) terhadap pelajar sarjana muda di salah sebuah IPT di Malaysia. Reka bentuk kuantitatif secara tinjauan dilaksanakan ke atas 100 orang pelajar di lima program pengajian sarjana muda pengajian Islam dengan kepujian di salah sebuah IPT di Malaysia. Data yang telah dianalisis secara analisis deskriptif menunjukkan tahap kebolehbacaan teks BAAL secara keseluruhannya berada di tahap kecewa iaitu tidak sesuai untuk tujuan pengajaran. Penulis dan penggubal kursus perlu menilai semula teks-teks yang dipilih sebagai teks pembelajaran kursus BAAL. Diharapkan hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak penggubal buku-buku kursus bahasa Arab untuk menambah baik kualiti kebolehbacaan pelajar.

**Kata Kunci:** kebolehbacaan, bahasa Arab, bahasa Arab akademik.

**Abstract:** Efforts to improve Arabic courses at the Higher Educational Institutions (HEI) can further enhance students' language proficiency. Students' proficiency in Arabic can be measured by their ability to read the text they are learning. Therefore, this study aims to identify the level of readability of the Advanced Academic Arabic Course (BAAL) e-book for undergraduate students at one of the Malaysia Higher Education. A quantitative survey design was carried out on 100 students in five Islamic studies undergraduate study programs with honors at one of the HEIs in Malaysia. The data that has been analyzed through descriptive analysis shows that the level of readability of the BAAL text as a whole is at a frustrational level which is not suitable for teaching purposes. Writers and course writers should reevaluate texts selected as academic texts for the BAAL course. It is hoped that the results of this study can be used by Arabic textbook writers to improve the quality of students' reading ability.

**Keywords:** readability, Arabic, academic Arabic.

**Cite This Article:**

Nadzirah Norudin, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohamad Azwan Kamarudin. (2022). Tahap Kebolehbacaan E-Book Bahasa Arab Akademik Lanjutan [The Readability Level of The Advanced Academic Arabic E-Book]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(4), 10-25.

## PENGENALAN

Mohd Hazli et al. (2019) menyatakan elemen penting dalam pembelajaran bahasa pertama dan kedua ialah penguasaan kemahiran dan kefahaman terhadap bahan bacaan. Antara aspek yang terlibat semasa proses pembacaan individu ialah bukan sahaja pengetahuan sedia ada, pemerolehan bahasa, dan kecekapan kosa kata, malahan pengetahuan komponen struktur ayat pemilihan penggunaan strategi juga turut memainkan peranan penting. Pandangan ini turut disokong oleh Marohaini (2014), Harison (2010) dan Yahya (2004) dalam kajian mereka bahawa berjaya atau gagal penguasaan kemahiran membaca dipengaruhi oleh faktor-faktor yang telah dinyatakan Mohd Hazli et al., (2019).

Antara cabaran yang dihadapi oleh para pendidik dalam pengajaran kemahiran membaca ialah pemilihan bahan bacaan yang sesuai untuk pembaca sasaran. Rini (2014) berpandangan para pendidik perlu bijak menentukan bahan bacaan bagi memastikan bahan yang dipilih mampu membantu pelajar dalam penguasaan kemahiran yang dipelajari. Hal ini penting untuk diberi perhatian kerana buku merupakan bahan bantu mengajar utama dalam proses pembelajaran. Maka sudah tentu pemilihan buku yang baik sangat penting. Hal ini disokong oleh Coleman (1962) yang menyatakan buku yang baik adalah buku yang boleh dibaca dan difahami oleh pelajar kerana ia berperanan sebagai alat pembelajaran yang berkesan.

Dalam menentukan kesesuaian buku dengan tahap kemampuan pembaca, kajian kebolehbacaan perlu dijalankan. Kajian jenis ini menurut Zamri et al., (2013) dapat membantu dalam menilai tahap kesukaran bahan bacaan secara objektif sebagai contoh penilaian dengan merujuk kepada Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye (1982). Hal ini disebabkan oleh tahap kebolehbacaan teks bacaan dengan kesesuaian dan penguasaan pembaca itu sendiri merupakan aspek penting yang melibatkan buku atau bahan bacaan rujukan (Muhammad Haron et al., 2016; Mohd Rafeie & Harun 2015; Aisyah 2014; Kamarulzaman 2011; Zulazhan et al., 2011).

Teks bacaan yang baik melibatkan beberapa elemen yang perlu divariasikan. Antaranya menurut Rosni et al., (2013), ialah gaya, isi dan struktur. Hal ini dapat membantu pembaca dalam meningkatkan pembacaan dan kefahaman bahan bacaan yang dipilih..

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti tahap kebolehbacaan *e-book* Bahasa Arab Akademik Lanjutan (BAAL).

## DEFINISI KEBOLEHBACAAN

Definisi kebolehbacaan secara terminologinya banyak dibincangkan oleh para pengkaji lepas. Antaranya Gilliland (1975) mentakrifkan kebolehbacaan ialah kajian memadamkan seseorang pembaca dengan sesebuah teks. Kepentingan pemadanan ini dapat dilihat menerusi kajian literatur Fry (1977) yang mendapati aspek terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran ialah “membuat padanan”.

Kepentingan pemadanan mengikut kesesuaian antara pembaca dan teks bacaan ini turut ditegaskan oleh Dahlia Janan (2016), yang menyatakan bahawa pemadanan pelajar dengan bahan bacaan adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh para guru. Cara yang dipercayai

dapat membantu guru dalam menentukan kesesuaian pepadanan ialah dengan pengetahuan yang baik berkaitan tahap kebolehbacaan buku yang dipilih (Dahlia Janan, 2016).

Sementara itu, Marohaini Yusoff (1999) pula menyatakan definisi kebolehbacaan merupakan satu konsep yang merujuk kepada tahap atau darjah susah senangya sesuatu bahan untuk dibaca. Kenyataan ini disokong oleh Khadijah Rohani (2001) dan Zulazhan (2012) yang turut berpandangan kebolehbacaan ialah tahap senang-sukar sesuatu bahan bacaan itu.

Menurut Chall dan Conard (1991), jika pelajar diberikan bahan bacaan yang terlalu mudah, maka pertumbuhan pembelajaran mereka akan terbantut, begitu juga sebaliknya jika pelajar diberikan bahan bacaan yang melebihi tahap keupayaan mereka Gambrell et al., (1981).

Marohaini Yusoff (1999) berpendapat aras kebolehbacaan bahan bacaan dapat ditentukan setelah bahan bacaan dibaca. Jika, bahan sukar dibaca, maka aras kebolehbacaannya adalah tinggi. Sebaliknya jika mudah dibaca, maka rendahlah aras kebolehbacaannya. Pandangan ini disokong oleh Kamarulzaman (2010) yang merumuskan kebolehbacaan berperanan dalam mengukur tahap pemahaman teks bacaan di samping membantu dalam menentukan kesesuaiannya dengan tahap kebolehan membaca pembaca sasaran dengan mengambil kira faktor teks bacaan dan pembaca.

Di sisi lain Setayesh Sattari (2012) menyatakan sekiranya tahap pembacaan menghampiri purata yang dicadangkan untuk khalayak sasaran, maka kebarangkalian kejayaan menyampaikan mesej kepada khalayak adalah tinggi. Sebaliknya, apabila teks terlalu sukar, maka mesej teks yang ingin disampaikan tidak dapat difahami mereka dengan baik. Berikut merupakan rumusan tahap kebolehbacaan buku teks yang telah disusun oleh pengkaji lepas:

Jadual 2.3 Rumusan Tahap Kebolehbacaan teks

<b>Tahap Pembacaan</b>	<b>Teks</b>	<b>Ciri-ciri</b>	<b>Bentuk Pembacaan</b>
<i>Independent</i>	Senang atau mudah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kefahaman yang cemerlang</li> <li>- Ketepatan Pengecaman perkataan yang cemerlang</li> <li>- Kadar Bacaan Lancar</li> <li>- Sangat sedikit kesalahan dalam semua aspek</li> <li>- Memerlukan analisis perkataan yang sangat sedikit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembacaan untuk keseronokan sepenuhnya</li> <li>- Pembacaan untuk pilihan sendiri</li> <li>- Kerja rumah, ujian, seatwork, pusat-pusat pembelajaran dan segala bentuk tugas dilakukan oleh pembaca itu sendiri.</li> </ul>
<i>Instructional</i>	Selesa	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kefahaman yang baik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Buku teks sekolah dan pembaca asas</li> </ul>

		- Ketepatan pengecaman perkataan yang baik	- Tugas membaca berpandu berasaskan bilik darjah
		- Kadar kelancaran bacaan yang sederhana	- Panduan belajar dan tugas berpandu yang lain.
		- Sebahagian perkataan perlu dianalisis	
<i>Frustrational</i>	Terlalu sukar atau susah	- Kefahaman yang lemah	- Tiada bahan sesuai untuk tugas
		- Kadar kelancaran yang perlahan dan tersekat-sekat	- Pembacaan untuk tujuan diagnostik
		- Banyak perkataan sukar yang perlu dianalisis	- Pilihan sendiri ang bergantung kepada tahap minat yang tinggi walaupun teks bacaan sukar

Sumber : Rumusan oleh Gillet & Temple (1994), Marohaini (1999), Kamarulzaman (2010) dan Mohd Fadzli (2022)

Kesimpulannya, berdasarkan definisi di atas, kebolehbacaan dapat dirumuskan sebagai satu kajian bagi mengenalpasti tahap sukar atau senang bahan bacaan mengikut tahap kemampuan pembaca sasaran.

## KEBOLEHBACAAN TEKS BAHASA ARAB

Kajian kebolehbacaan buku teks bahasa Arab kini semakin mendapat perhatian para pengkaji bidang bahasa Arab sama ada dijalankan secara kualitatif atau kuantitatif masing-masing berusaha untuk menilai teks bacaan yang paling sesuai untuk kegunaan para pelajar dan guru dalam proses pembelajaran bukan sahaja di peringkat sekolah bahkan di peringkat pengajian tinggi. Hal ini dapat dilihat menerusi tulisan Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Nik Mohd Rahimi dan Mohd Sham Kamis (2017) yang mengupas dengan baik kepentingan kajian kebolehbacaan khususnya dalam konteks pendidikan bahasa Arab.

Violetta Cavalli-S forza et al., (2018) pula dalam kajiannya melaporkan status semasa penyelidikan penilaian kebolehbacaan bahasa Arab dengan mempertimbangkan hala tuju dan peluang untuk penyelidikan masa depan. Selain itu, semakan, penilaian dan tinjauan secara ringkas telah dilakukan ke atas teks yang disasarkan kepada populasi yang berbeza iaitu pembaca bahasa Arab sebagai L1, pembaca dewasa dalam tetapan bukan akademik, dan pembaca bahasa Arab sebagai L2. Penilaian kebolehbacaan bahasa Arab telah mengikuti aliran

dalam bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris, tetapi telah menghadapi kesukaran disebabkan kekhususan bahasa Arab dan kekurangan relatif korpora dan alatan yang tersedia, berbanding bahasa dengan sumber yang lebih kaya. Bukan itu sahaja, Violetta Cavalli-S forza et al. (2018) turut menilai keperluan penilaian kebolehbacaan bahasa Arab berdasarkan situasi istimewa diglosia yang wujud di semua negara Arab.

Toeimah (1978) telah menjalankan satu kajian tentang kebolehbacaan yang mengukur keupayaan membaca teks Arab dalam kalangan pelajar penutur bukan jati di beberapa universiti di Amerika Syarikat. Kajian ini mendapati ujian klotz sesuai diaplikasikan sebagai alat pengukuran kebolehbacaan dalam bidang bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Antara saranan Toeimah (1978) dalam kajiannya, kajian lanjutan tentang kebolehbacaan bahan bacaan Arab bagi penutur bukan jati perlu diperluas lagi (Kamarulzaman, 2010).

Di luar negara, Yayan Nurbayan & Ihwan Rahman Bahtiar(2019) telah menganalisis tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab untuk murid darjah sebelas dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehbacaan. Tiga petikan daripada buku bertajuk “Al-Lughah al-Arabiyah: Bahasa Arab untuk SMA dan Sederajat” [Bahasa Arab untuk Sekolah Menengah Atas dan Setaraf] yang ditulis oleh Zakiyah Arifah dan Nadia Afidati (2012) telah dipilih secara rawak sebagai sampel. Hasil kajian menunjukkan tahap kebolehbacaan buku tersebut adalah sederhana dengan peratusan 40.6%. Ini menunjukkan bahawa buku itu boleh digunakan dengan mudah dan difahami oleh pelajar dan mereka boleh berinteraksi dengan buku tersebut.

Dapatan tahap kebolehbacaan yang sederhana turut diperoleh Shaye Al Shaye dan Mohamed Doheim Al Dhefeiri (2021) dalam kajian yang mengenal pasti tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab gred enam di Kuwait dari sudut pandangan guru bahasa Arab, dan berdasarkan prestasi pelajar dalam membaca ujian Cloze buku-buku ini. Meskipun begitu, kajian Ala Muhammad Al Saadi et al. (2020) pula menunjukkan natijah yang sebaliknya. Purata Skor kebolehbacaan buku Bahasa Arab Gred Kedua di Emiriah Arab Bersatu (UAE) didapati berada di tahap yang tidak memuaskan. Hasil ini menunjukkan keperluan yang ketara dalam meningkatkan kebolehbacaan pelajar terhadap buku Bahasa Arab di UAE, bermula dari Darjah Kedua.

Jika ditelusuri perspektif kajian lampau di Malaysia, tidak dinafikan para pengkaji juga tidak ketinggalan dalam menjalankan kajian kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sama ada buku teks kegunaan sekolah mahupun pengajian tinggi. Antara kajian di peringkat sekolah ialah kajian Kamarulzaman (2010) dalam tesis kedoktorannya mengkaji Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan dapatan menunjukkan tahap kebolehbacaan teks adalah kecewa.

Berikutnya, kajian tentang kebolehbacaan teks bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi. Sebagai contoh kajian yang menentukan tahap kebolehbacaan buku kemahiran bahasa Arab di salah sebuah universiti di Malaysia, Aisyah Sjahrony (2014) telah memberikan ujian klotz kepada 162 orang pelajar. Keputusan menunjukkan purata markah bagi ujian bagi buku kemahiran Bahasa Arab ialah 74 % iaitu pada tahap kecewa. Keputusan ini tidak sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, serta bacaan bebas.

Masih lagi kebolehbacaan buku teks bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi meskipun dapatan tidak selari dengan kajian Aisyah Sjahrony (2014), Anuar bin Sopian pada tahun 2017 dalam kajiannya telah menganalisis isi kandungan buku teks bahasa Arab “Al-

*Munīr Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Ittisaliyyah*”. Hasil diperoleh mendapati buku yang digunakan sesuai dengan tahap pengajaran.

## METODOLOGI KAJIAN

### Pembinaan Instrumen Ujian Kloz

Beberapa prosedur perlu dijalankan untuk membina satu ujian kloz bagi mengenal pasti tahap kebolehbacaan ebook bahasa Arab Akademik Lanjutan. Antaranya ialah:

a. Pemilihan Bab Pelajaran

Bab yang dipilih ialah 3 sahaja daripada 8 bab. Setiap bab tersebut ialah bab yang berasingan; terawal, pertengahan dan terakhir.

b. Ciri-Ciri Pemilihan Teks

Teks yang dipilih mestilah melebihi 250 patah perkataan. Tiada contoh ayat al-Qur’an, hadis dan puisi dalam teks. Sekiranya ada maka pemotongan perkataan tidak akan dilakukan padanya (Zulazhan, 2012).

Oleh yang demikian, teks yang terpilih ialah daripada bab 2, 4 dan, 6 berdasarkan kriteria yang telah disarankan pengkaji lalu.

#### Senarai Teks Terpilih untuk Ujian Kebolehbacaan E-book Bahasa Arab Akademik Lanjutan

Pembahagian	Bab	Kriteria
Permulaan	1	استمتع بالأغنية وتأمل كلماتها Lirik lagu < 250
	2	مقتطف من مجلة فكرية Artikel >250
	3	تعرف على أدوات الربط في الكتابة العلمية ! Perubahan perenggan dengan penambahan kata hubung <250
Pertengahan	4	حدثنا بإيجاز عن أي موضوع ديني ceramah Ada Ayat Al-Quran Ada Syair >250
	5	برنامج حوار تلفزيوني Talk Program tv Ada Ayat Al-Quran >250

Pengakhiran	6	مقتطف من كتاب	Penulisan daripada buku Ada Ayat Al-Quran Ada hadith >250
	7	كيف تكتب فقرة؟	Cara tulis perenggan <250
	8	شاركنا خبرتك أو تجربتك!	Perkongsian perjalanan bersama BA >250 (sangat panjang)

### c. Pemotongan Perkataan

Pemotongan perkataan bagi menilai teks bahasa asing menurut Tuaymah (1984) adalah pada setiap perkataan ketujuh secara konsisten. Pemotongan ini dijalankan tanpa mengira jenis perkataan atau ayat. Selain itu, menurut Marohaini (1999) pemotongan pada ayat pertama dan terakhir, juga sebaiknya tidak dilakukan. Hal ini akan mengganggu kefahaman responden terhadap satu-satu teks. Pada ruang kosong setiap perkataan yang dipotong, satu garisan dengan ukuran yang sama panjang diletakkan. Nombor mengikut turutan juga diletakkan pada setiap ruang kosong berkenaan untuk tujuan penyemakan jawapan.

### d. Bentuk Jawapan

Bentuk jawapan ujian kloz terdiri daripada 2 jenis; aneka pilihan dan bebas (Tuaymah, 1985). Akan tetapi pengkaji memilih jenis aneka pilihan untuk ujian kloz kajian ini. Teks ujian ini tidak diletakkan baris kerana teks pada e-book BAAL juga tiada baris. Untuk setiap tempat kosong diberikan tiga pilihan jawapan yang mana satu daripadanya ialah jawapan yang paling tepat berdasarkan teks asal BAAL.

## Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Setelah instrumen dibina, semakan daripada penilai pakar dalam pendidikan bahasa Arab telah dijalankan. Hasil semakan mendapati beberapa item tidak mengukur apa yang ingin diukur dalam kajian ini. Maka, beberapa item daripada teks A, B dan C telah dipertimbangkan untuk dibuang.

Kemudian, kajian rintis telah dijalankan terhadap 31 orang responden bagi mengenal pasti kebolehpercayaan instrumen kajian. Hasil yang diperoleh mendapati semua teks yang diuji untuk mengukur tahap kebolehbacaan teks E-book Bahasa Arab Akademik Lanjutan (BAAL) menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu melebihi nilai 0.90 yang telah disarankan oleh Linacre (2012).

Ini bermakna instrumen yang dibina sah dan dipercayai untuk digunakan dalam pengumpulan data kajian sebenar bagi mengenal pasti tahap kebolehbacaan e-book BAAL.

## Populasi Dan Pensampelan

Teknik Pensampelan yang dijalankan ialah teknik pensampelan rawak mudah. Daripada saiz populasi 494 orang pelajar tahun 2 prasiswazah yang mendaftar kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan, hanya 220 orang sahaja dipilih berdasarkan jadual saiz pensampelan Krejcie dan Morgan (1970).

Walau bagaimanapun, disebabkan kajian ini menggunakan Model Pengukuran Rasch, saiz sampel tidak ditentukan oleh populasi akan tetapi bergantung kepada kalibrasi item dan ukuran kestabilan responden. Oleh itu, saiz sampel responden pelajar kajian ini ialah seramai 100 orang responden sahaja kerana menurut Linacre (1994), bilangan saiz berkenaan mencukupi bagi mencapai aras keyakinan 95%. Berikut merupakan Jadual Saiz Sampel Linacre 1994:

Jadual Saiz Sampel Linacre 1994

Kalibrasi Item (Logit)	Keyakinan (%)	Minimum Sampel	Keluasan	Saiz	Saiz Sampel
1	95	16 – 36			30
1	99	27 – 61			50
½	95	64 – 144			100
½	99	108 – 243			150

Sumber : Linacre (1994)

## Pengumpulan Data

Berikut merupakan prosedur pengumpulan data yang dijalankan oleh pengkaji dalam mengenal pasti tahap kebolehbacaan *e-book* Bahasa Arab Akademik Lanjutan:

1. Pengkaji menghubungi wakil pelajar setiap program di fakulti.
2. Bilangan responden telah ditetapkan bagi setiap program. Responden telah dipilih secara rawak tanpa melihat kepada jantina dan kemampuan bahasa.
3. Pengkaji membuat *Whatsapp Group* untuk menghimpunkan responden yang bersetuju untuk mengambil ujian kebolehbacaan ini. Bukan itu sahaja, platform ini juga membantu memudahkan komunikasi antara pengkaji dan responden.
4. Setelah itu, taklimat diberikan kepada responden secara terperinci tentang maklumat pentaksiran kebolehbacaan *e-book* BAAL secara dalam talian.
5. Para responden diberi tempoh selama dua hari untuk mengulangkaji semua teks pembelajaran setiap bab bagi *e-book* Bahasa Arab Akademik Lanjutan.
6. Pada hari yang ditetapkan, para responden diberikan taklimat awal. Kemudian mereka diberikan instrumen klotz dan pautan *Google Form* sebagai tapak jawapan responden.
7. Para pelajar diberikan masa selama satu jam lebih untuk menyelesaikan ujian ini tanpa merujuk kepada mana-mana bahan.



8. Setelah selesai, para responden dikehendaki menghapuskan semua maklumat dan dokumen berkaitan kajian untuk menjaga ketelusan kajian bagi sesi yang seterusnya.
9. Bagi sesi seterusnya, langkah dua hingga tujuh diulangi sehingga berjaya mencapai bilangan responden yang disasarkan.

### Kaedah Penganalisisan Data

Dapatan akan dianalisis dengan kiraan peratusan skor betul responden secara berasingan mengikut teks dan secara keseluruhan iaitu ketiga-tiga teks sekaligus. Setelah itu, peratusan skor responden akan dipadankan dengan Jadual Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye 1982 seperti dalam jadual di bawah:

#### Ukuran Skor Kebolehbacaan

Skor (%)	Tahap Kebolehbacaan
0-74	<i>Frustrational</i>
75-89	<i>Instructional</i>
90-100	<i>Independent</i>

Sumber: Rye (1982)

### DAPATAN KAJIAN

#### 1. Tahap Kebolehbacaan Teks A

Jadual 4.1 menunjukkan dapatan kebolehbacaan bagi teks A. Majoriti responden seramai 67 orang dengan julat skor sebanyak 22% hingga 74% menunjukkan teks ini berada di tahap kecewa iaitu *frustrational*. Hanya 12 orang responden sahaja dilihat berada di tahap *independent* manakala baki dengan julat skor antara 76% hingga 88% mengalami tahap *instructional* terhadap teks yang diuji.

Jadual 4.1: Tahap Kebolehbacaan Teks A Berdasarkan Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye (1982)

Tahap Kebolehbacaan	Teks A					
	Skor Responden	Bil Keseluruhan Item	Julat Skor (%)	<i>f</i>	%	Min(%)
<i>Independent</i>	45 -50	50	90 - 100	12	12	69.42
<i>Instructional</i>	38 – 44	50	76 – 88	21	21	
<i>Frustrational</i>	11 – 37	50	22 – 74	67	67	

Sumber: Pengkaji (2022)

Secara keseluruhannya, berdasarkan min peratusan yang diperoleh iaitu 69.42 menunjukkan teks A berada di tahap kecewa jika dipadankan dengan Ukuran Skor

Kebolehbacaan Rye (1982). Ini bermakna teks ini kurang sesuai digunakan dalam sesi pembelajaran kerana kesukarannya melebihi kemampuan pelajar.

Jadual 4.2: Ukuran Skor Kebolehbacaan

Skor (%)	Tahap Kebolehbacaan
90-100	<i>Independent</i>
75-89	<i>Instructional</i>
0-74	<i>Frustrational</i>

Sumber: Rye (1982)

## 2. Tahap Kebolehbacaan Teks B

Berdasarkan Jadual 4.3, majoriti responden iaitu seramai 68 orang daripada 100 orang responden berada di tahap *frustrational* dengan julat peratusan 31 hingga 73. Bagi tahap *instructional* pula, dengan julat skor 76% hingga 89% didapati seramai 19 orang responden (19%) memperoleh skor betul antara nilai 47 hingga 55. Baki responden seramai 13 orang mengalami tahap *independent* terhadap teks B yang diuji.

Jadual 4.3: Dapatan Kebolehbacaan Teks B Berdasarkan Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye (1982)

Tahap Kebolehbacaan	Teks B					
	Skor Responden	Bil Keseluruhan Item	Julat Skor (%)	<i>f</i>	<i>%</i>	<i>Min(%)</i>
<i>Independent</i>	56 – 62	62	90 – 100	13	13	67.36
<i>Instructional</i>	47 – 55	62	76 – 89	19	19	
<i>Frustrational</i>	19 – 45	62	31 – 73	68	68	

Sumber: Pengkaji (2022)

Peratusan min yang diperoleh adalah 67.38%. Berdasarkan peratusan min yang diperoleh pengkaji, secara umumnya teks B yang diuji berada di tahap mengecewakan dan tidak sesuai digunakan sebagai teks pembelajaran setelah dipadankan dengan Ukuran Skor Kebolehbacaan oleh Rye (1982) yang didapati berada pada julat peratusan 0 hingga 74.

Jadual 4.4: Ukuran Skor Kebolehbacaan

Skor (%)	Tahap Kebolehbacaan
90-100	<i>Independent</i>
75-89	<i>Instructional</i>
0-74	<i>Frustrational</i>

Sumber: Rye (1982)

### 3. Tahap Kebolehbacaan Teks C

Dapatan tahap kebolehbacaan teks C mengikut Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye (1982) telah dilaporkan pada Jadual 4.5.

Minoriti responden iaitu seramai 15 orang berada di tahap *independent* iaitu antara julat peratusan 90 hingga 100. Selain itu, bilangan paling ramai dilihat berada di tahap *frustrational* iaitu dengan skor betul 13 hingga 37 yang masing-masing julat peratusannya antara 25 hingga 73. Baki responden pula dengan julat skor 75% hingga 88% berada di tahap *instructional* bagi teks yang diuji.

Jadual 4.5: Tahap Kebolehbacaan Teks C Berdasarkan Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye (1982)

Tahap Kebolehbacaan	Teks C						
	Skor Responden	Bil Keseluruhan Item	Julat (%)	Skor	<i>f</i>	%	<i>Min</i> (%)
<i>Independent</i>	46 – 51	51	90 - 100	15	15		
<i>Instructional</i>	38 – 45	51	75 - 88	20	20	64.58	
<i>Frustrational</i>	13 - 37	51	25 - 73	65	65		

Sumber: Pengkaji (2022)

Jika dipadankan min peratusan yang diperoleh dengan Jadual 4.18, maka dapat disimpulkan bahawa tahap kebolehbacaan teks C secara umumnya sangat mengecewakan dengan nilai min 64.58% yang berada pada julat peratusan 0 hingga 74%.

Jadual 4.6: Ukuran Skor Kebolehbacaan

Skor (%)	Tahap Kebolehbacaan
90-100	<i>Independent</i>
75-89	<i>Instructional</i>
0-74	<i>Frustrational</i>

Sumber: Rye (1982)

### 4. Tahap Kebolehbacaan Keseluruhan Teks

Jadual 4.7 melaporkan rumusan tahap kebolehbacaan berdasarkan Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye (1982) bagi keseluruhan teks A, B dan, C.

Tahap *independent* dilihat sangat sedikit dalam kalangan responden iaitu seramai 10 orang daripada 100 responden dengan julat peratusan 90 hingga 99. Selain itu, tahap *instructional* dengan julat skor 77% hingga 88% pula, dilihat seramai 22 orang responden mengalami tahap ini terhadap keseluruhan teks yang diuji. Baki responden dengan bilangan majoriti seramai 68 orang mengalami tahap *frustrational* dengan skor betul antara 43 hingga 120 daripada 163 bilangan item yang masing-masing mendapat antara 26% hingga 74%.

Jadual 4.7: Tahap Kebolehbacaan Teks ABC Berdasarkan Ukuran Skor Kebolehbacaan Rye (1982)

Tahap Kebolehbacaan	Skor Keseluruhan ABC		Julat Skor (%)	<i>f</i>	%	<i>Min(%)</i>
	Skor Responden	Bil Keseluruhan Item				
<i>Independent</i>	146 – 161	163	90 – 99	10	10	67.12
<i>Instructional</i>	125 – 144	163	77 – 88	22	22	
<i>Frustrational</i>	43 – 120	163	26 – 74	68	68	

Sumber: Pengkaji (2022)

Min peratusan bagi keseluruhan teks ialah 67.12%. Jika dipadankan dengan Jadual 4.26, nilai ini masih lagi berada di tahap mengecewakan iaitu *frustrational* yang julatnya antara 0% hingga 74%. Ini bermakna teks yang diuji tidak sesuai dengan kemampuan pelajar sasaran kerana tahap kesukarannya melebihi tahap keupayaan pelajar.

Jadual 4.8: Ukuran Skor Kebolehbacaan

Skor (%)	Tahap Kebolehbacaan
90-100	<i>Independent</i>
75-89	<i>Instructional</i>
0-74	<i>Frustrational</i>

Sumber: Rye (1982)

## PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual di bawah, teks A menunjukkan tahap kecewa dengan peratusan 69.42. Begitu juga teks B dan C yang turut berada di tahap kecewa masing-masing dengan peratusan 67.36 dan 64.58. Setelah dijalankan analisis secara keseluruhan teks, kajian mendapati teks A, B dan C bagi e-book Bahasa Arab Akademik Lanjutan berada di tahap *frustrational* iaitu kecewa.

Jadual 5.1 Rumusan Tahap Kebolehbacaan E-book BAAL

Teks	%	Tahap Kebolehbacaan
A	69.42	<i>Frustrational/Kecewa</i>
B	67.36	<i>Frustrational /Kecewa</i>
C	64.58	<i>Frustrational /Kecewa</i>
ABC	67.12	<i>Frustrational / Kecewa</i>

Sumber: Pengkaji (2022)

Dapatan yang diperoleh kajian ini dalam mengenal pasti tahap kebolehbacaan teks bahasa Arab sejajar dengan dapatan Mohd Fadzli (2022), kajian Zulazhan (2012) dan Kamarulzaman (2010) yang masing-masing turut mendapati buku teks yang digunakan dalam proses pembelajaran berada di tahap kecewa.

Dari perspektif kajian kebolehbacaan teks bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi pula, dapatan kajian Aisyah (2014) yang turut mengkaji buku bahasa Arab yang digunakan di

institusi yang sama iaitu Maharat al-Qiraah dilihat selari dengan dapatan kajian ini. Kajian Aisyah (2014) yang telah menjalankan ujian klox ke atas 162 orang pelajar mendapati skor purata ujian klox ialah 65% yang ditafsirkan masih berada pada tahap rendah, iaitu kurang sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di kelas.

Bahasa Arab Akademik Lanjutan merupakan antara kursus baru yang menggantikan empat kursus kemahiran yang salah satunya kursus Maharat al-Qiraah di institusi yang sama kajian ini dijalankan. Kajian Aisyah (2014) telah membuktikan buku teks yang digunakan iaitu Maharat al-Qiraah tidak sesuai dengan kemampuan pelajar, akan tetapi dapatan yang diperolehi kajian ini masih lagi di tahap kecewa bagi kebolehbacaan teks bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, kajian Anuar bin Sopian pada tahun 2017 yang kajiannya menganalisis isi kandungan buku teks bahasa Arab “*Al-Munīr Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Ittisaliyyah*” dilihat berbeza dengan hasil kajian ini. Ini kerana hasil yang diperolehi mendapati buku yang digunakan sesuai dengan tahap pengajaran meskipun terdapat sedikit penambahbaikan yang perlu dilakukan disebabkan oleh beberapa kesalahan dalam membariskan perkataan dan tidak terdapat senarai rujukan.

## KESIMPULAN

Konklusinya, tahap kebolehbacaan teks *e-book* Bahasa Arab Akademik Lanjutan berada di tahap *frustrational* iaitu kecewa yang mana melebihi kemampuan pembaca sasaran iaitu pelajar tahun 2 prasiswazah.

Sehubungan dengan itu, diharapkan para penulis buku dan penggubal dapat menilai semula tahap kebolehbacaan teks bahasa Arab menggunakan prosedur yang sewajarnya seperti dalam kajian ini bagi memastikan teks-teks yang dipilih berada di tahap pengajaran yang mana sesuai dengan tahap pelajar sasaran.

## RUJUKAN

- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Nik Mohd Rahimi & Mohd Sham Kamis. 2017. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 25-40.
- Aisyah Sjahrony. 2014. Hubungan Antara Tahap Kebolehbacaan Buku Teks Maharat Al-Qiraah Dengan Motivasi Dan Pencapaian Pelajar FPI UKM. Tesis Master. Fakulti Pendidikan UKM, Bangi Selangor.
- Ala Muhammad Al Saadi, Wail Muin (Al-Haj sa'id) Ismail , Muhammad Azhar bin Zailani, Tareq Mohamad Alyatim & Zaharah Binti Hussin. 2020. Readability Of The Second Grade Arabic Language Books In The United Arab Emirates. *Humanities & Social Sciences Reviews* 8(2): 773-780.
- Anuar Sopian. 2017. Analisis isi kandungan buku teks bahasa Arab “al-Munīr al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Ittisaliyyah”. *Journal of Humanities, Languages, Culture and Business*, 1(1): 35 - 44.
- Chall, J. S. & Conard, S. 1991. *Should textbooks challenge students? The case for easier or harder books*. New York: Teachers College Press.
- Coleman, P. D. 1962. Failure to localize the source distance of an unfamiliar sound. *Journal of the Acoustical Society of America*, 34: 345-346.

- Conrad K.J., Conrad K.M., Mazza J, Riley B.B., Stein M.A., Funk R, & Dennis M.L. 2012. Dimensionality, hierarchical structure, age generalizability, and criterion validity of the GAIN's Behavioral Complexity Scale. *Psychological Assessment*.
- Dahlia Janan. 2016. Guru Dan Keterampilan Membaca Dalam Kalangan Murid. *Malay Language Journal - Dian Bahasa* 6-22.
- Embretson, S. E., & Reise, S. P. 2000. *Item response theory for psychologists*. t.tp.: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Fisher Jr., W. P. 2007. Rating scale instrument quality criteria. *Rasch Measurement Transaction*, 21, 1095. Retrived from <http://www.rasch.org/rmt/rmt211a.htm>
- Fry, E. 1977. *Elementary reading instruction*. New York: McGraw-Hill.
- Gambrell, L., Wilson, R. & Gantt, W. 1981. Classroom observations of task- attending behaviors of good and poor readers. *Journal of Educational Research* 74: 400–404.
- Harison Mohd Sidek. 2010. *Reading Instruction: Theory and Practice*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2011. Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz dalam Kalangan Pelajar di SMKA. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11(2): 53-66 .
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2010. Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Kamaruzaman Jusoff, Mohamad Shanudin Zakaria, Khairul Anwar Mastor & Siti Rahayah Ariffin. 2009. Kesahan dan kebolehppercayaan soal selidik gaya e-pembelajaran (eLSE) versi 8.1 menggunakan model pengukuran Rasch. *Journal of Quality Measurement and Analysis* 5(2): 15–27.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus. 2001. *Kebolehbacaan Dalam Buku Teks*. Bahan Kursus Penulisan Buku Teks Sekolah Menengah, Bahagian Buku Teks, KPM Dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie R. V. & Morgan D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Linacre J. M. 2012. *A User's Guide to WINSTEPS: Rasch Model Computer Programs*. Chicago: MESA Press
- Linacre J. M. 1994. Sample Size and Item Calibration Stability. *Rasch Measurement Transactions*, 7:4.
- Marohaini Yusoff. 1999. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marohaini Yusoff. 2014. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Batu Caves: PTS Akademia.
- Mohd Fadzli Ismail. 2022. Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Tingkatan Empat di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan(SABK). Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. UKM.
- Mohd Hazli Yah @ Alias, Maimun Aqsha Lubis & Mahani Mohamad. 2019. Kemahiran membaca teks Arab sebagai bahasa kedua: Penelitian dari perspektif teori dan kurikulum. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 2(1): 26–44.

- Mohd Rafaie Kusnin & Harun Baharudin. 2015. Kebolehbacaan Syarhu Ibnu Aqil Sebagai Buku teks STAM: Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL 2015)*, hal. 130-137.
- Muhammad Haron Husaini, Abdul Razif Zaini, Ab. Halim Mohamad & Khairil Ashraf Elias. 2016. Penilaian Kebolehbacaan Teks Arab Menerusi Ujian Kloz Berasaskan Aplikasi Komputer. *Jurnal AL-ANWAR* 1(1): 38- 55.
- Nadzirah Norudin. 2020. Kesukaran Item Kosa Kata Kerja Al-Quran Dalam Ujian Kosa Kata Al-Quran (QVT) Bagi Set 1, 4 dan 7 Menggunakan Model Pengukuran Rasch. Latihan Ilmiah. Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi.
- Nur Aimi Aqilah Harun. 2019. Penilaian Kosa Kata (Kata Kerja) dalam Al Quran (Surah Al-Mulk) dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rini Dwi Susanti. 2014. Strategi pengajaran membaca pada mata pelajaran bahasa Arab di Madrasah Ibtidaiyah. *Elementary Journal* 2(2).
- Robson, C. 1998. *Real world research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. 2013. Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(2).
- Shaye Al Shaye & Mohamed Doheim Al Dhefeiri. 2021. Readability Level of Arabic Language Textbook of the Sixth Grade in the State of Kuwait. *Journal of Educational and Social Research* 11(4): 197-212.
- Toiemah, R.A. 1978. The use of cloze to measure the profeciency of students of Arabic as a second language in some universities in the United States. Ph.D thesis, unpublished. University of Minnesota: Dissertation Abstract International.
- Toeimah, R.A. 1985. Dalil 'Amal fi 'I'dad al-Mawad al-Ta'limiyyah li Baramij Ta'lim al-'Arabiyyah. Makkah Al-Mukarramah: Jami'at Umm Al-Qura.
- Toiemah, R.A. 1984. Ikhtibar al-Tatimmah wa Ta'lim al-'Arabiyyah ka Lughah Thaniyyah. Dlm. Abdullah Sulaiman al-Jarbu' & Ahmad Tu'aimah. *Majallat Ma'had al-Lughah al-Arabiyyah*. 2, 513-556: Makkah al-Mukarramah: Jami'at Umm al-Qura.
- Viera, A.J. & Garrett, J.M. 2005. Understanding Interobserver Agreement The Kappa Statistic. *Family Medicine* 37: 360-363.
- Yahya Othman. 2004. *Mengajar Membaca Teori Dan Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. Bentong: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Yayan Nurbayan & Ihwan Rahman Bahtiar. 2019. The Readibility of the Arabic Textbook for the Students of Senior High School in Indonesia Written by Zakiyah Arifah & Nadia Afidati. *EDUCARE: International Journal for Educational Studies* 12(1): 25-38.
- Zamri Arifin, Zulazhan Ab. Halim & Kaseh Abu Bakar. 2013. The Readability of Balaghah Textbook of Malaysian Higher Certificate of Religion (Stam): A Pilot Study. *Advances in Natural and Applied Sciences* 7(2): 192-199.
- Zulazhan Ab. Halim, Zamri Arifin, Kaseh Abu Bakar & Abdul Wahid Salih. 2011. Ikhtibar al-Tatimmah wa Maqru'iyah Kitab al-Balaghah fi Maliziyya. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 ( SAPBA 2011)*.

Zulazhan Bin Ab. Halim. 2011. Kebolehbacaan Buku Teks Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.